

# PENGHAYATAN WARGA KUIPSAS TERHADAP NILAI MURNI TA'ALLUM: SATU KAJIAN PERBEZAAN DAPATAN DARI TAHUN 2018 HINGGA 2020

Muhamad Fairuz Ali <sup>1</sup>

## ABSTRAK

*Dalam usaha memastikan sistem pengurusan sesuatu organisasi berjalan dengan cekap, berkesan dan berkualiti, penerapan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) menjadi pilihan terbaik dan memberi impak besar kepada sistem organisasi. Bagi organisasi berteraskan Islam seperti Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), organisasi tersebut telah menambah satu lagi sistem piawaian alternatif yang dikenali sebagai MS1900:2005 - Sistem Pengurusan Kualiti Keperluan Menurut Perspektif Islam. Hal ini seiring dengan usaha KUIPSAS untuk memenuhi tuntutan dan keperluan Syariah di organisasi ini. Dalam piawaian ini, aspek nilai perlu dijadikan amalan agar pelaksanaan pengurusan kualiti dapat dilaksanakan secara seimbang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penghayatan nilai-nilai murni Ta'allum, Tazaakur dan Ta'awun (3T) dalam kalangan warga KUIPSAS. Kajian ini juga bertujuan mengkaji perbezaan pandangan responden antara tahun 2018 hingga 2020. Kajian kuantitatif ini dijalankan dengan menggunakan borang soalselidik yang diedarkan pada tahun 2018, 2019 dan 2020 kepada semua anggota kerja KUIPSAS. Hasil kajian menunjukkan penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan anggota kerja KUIPSAS menunjukkan kenaikan untuk ketiga-tiga nilai murni Ta'allum, Tazaakur dan Ta'aawun. Ketiga-tiga nilai murni ini dilihat telah membantu anggota kerja KUIPSAS dalam mendalami ilmu dan pengamalan peribadi mulia dalam organisasi.*

**Kata kunci:** Nilai-nilai murni, sistem pengurusan kualiti, KUIPSAS.

## ABSTRACT

*In its effort to ensure that the management system of an organisation runs efficiently, effectively, with quality and in accordance with the thrust of Islam, KUIPSAS implemented the Essential Quality Management System According to the Islamic Perspective, in line with its efforts to fulfil Shariah demands and requirements in this organisation. Within this standard, the moral aspect needs to be practised so that a well-balanced implementation of quality management can be carried out. The objective of this study is to identify the level of appreciation of Ta'allum positive values among the KUIPSAS community. The study also aims to examine the difference between the views*

---

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa Arab, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). Email: [mfairuz@unipsas.edu.my](mailto:mfairuz@unipsas.edu.my). Diterima; 29 November 2021. Disemak; 5 Januari 2022. Diterbitkan; 30 April 2022.

*of respondents in 2018 and 2020. This quantitative study was conducted using questionnaires distributed in 2018 and in 2020 to all KUIPSAS employees. The results of the study show that the adoption of Ta'allum positive values among KUIPSAS employees displayed an increase in Ta'allum positive values. The adoption of Ta'allum positive values is observed to have helped KUIPSAS employees in enhancing their knowledge and virtuous personal practices within the organisation.*

**Keywords:** *Positive values, Ta'allum, quality management system, KUIPSAS*

## **PENGENALAN**

Institut pengajian tinggi di Malaysia telah berkembang maju sejak beberapa dekad yang lalu dengan pelbagai inisiatif dan pembaharuan yang diperkenalkan kerajaan. Perkembangan institusi pengajian tinggi ini adalah untuk memenuhi keperluan pembangunan modal insan bukan sahaja dalam kalangan pelajar tempatan tetapi juga dalam kalangan warga kerja di IPT berkaitan.

Dalam usaha menjadikan perkembangan IPT ini selari dengan kepentingan ilmu, maka beberapa IPT mengamalkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang menghimpunkan beberapa klausa penting yang perlu dipatuhi oleh sesebuah organisasi. SPK ini merangkumi sistem pengurusan, pengurusan risiko, pengurusan sumber, produktiviti, analisis dan penambahbaikan berterusan.

Bagi Institut Pengajian Tinggi yang ingin memastikan organisasi mereka melaksanakan sistem pengurusan memenuhi tuntutan dan keperluan Syariah, organisasi tersebut akan menambah satu lagi sistem piawaian alternatif yang dikenali sebagai MS1900:2005 - Sistem Pengurusan Kualiti Keperluan Menurut Perspektif Islam.

Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) telah memperoleh persijilan ISO 9001:2015. Persijilan ini memberikan ruang kepada semua anggota kerja KUIPSAS untuk menghayati nilai-nilai murni yang diperkenalkan iaitu *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'awun* (3T).

Ta'allum membawa maksud konsep membudayakan ilmu dalam kalangan warga kerja KUIPSAS. Setiap lapisan organisasi bertanggungjawab untuk menyebarkan budaya Ta'allum agar kewajipan menuntut ilmu ini sentiasa dihayati dan diamalkan dari semasa ke semasa.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Penerapan penghayatan nilai-nilai murni ini merupakan langkah terbaik untuk memastikan anggota kerja KUIPSAS memberikan perkhidmatan yang seimbang dalam aspek kualiti serta kerohanian.

Nilai-nilai murni yang diperkenalkan ini amat penting dan dituntut dalam Islam. Hal ini kerana dalam memberikan perkhidmatan, aspek nilai perlu dijadikan amalan agar pelaksanaan pengurusan kualiti dapat dilaksanakan secara seimbang (Siti Arni et al., 2019).

Tambahan pula, amalan nilai-nilai murni pada masa kini amat membimbangkan dengan pengabaian terhadap sikap positif, hormat-menghormati, santun dalam berbahasa dan sebagainya (Muhamad Fairuz et al., 2019) Dalam menuntut ilmu, ada beberapa perkara yang perlu dititikberatkan seperti berakhlak mulia, mengelakkan perselisihan faham, memahami hakikat dan objektif ilmu serta bersikap ikhlas dalam menuntut ilmu (Muhammad Nur Ilman et al., 2019)

Tanggungjawab mendidik dan menambah ilmu adalah amanah semua pihak. Setiap lapisan masyarakat dituntut agar sentiasa memahami konsep ilmu dan matlamat pendidikan agar hala tuju dalam kehidupan tidak tersasar. Ia juga mempengaruhi memberikan perubahan positif kepada individu dan masyarakat. (Mat Ali et al., 2006)

Untuk sesebuah organisasi berfungsi dengan sempurna, pengurusan perlu memberi perhatian pada pembudayaan ilmu. Ia mampu meningkatkan pencapaian organisasi dalam proses penyelesaian masalah, perancangan strategik dan pembelajaran yang lebih dinamik. Pembudayaan ilmu ini perlu dibangunkan sebagai organisasi tidak kehilangan pekerja yang bermotivasi berkaitan dengan maklumat dan kepakaran. Sekiranya kehilangan motivasi berkaitan kebudayaan ilmu ini berterusan, proses penyemburan ilmu tidak berlaku dan menyebabkan usaha yang dilakukan oleh organisasi adalah sia-sia. (Abdullah, 2014)

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti tahap penghayatan nilai murni *Ta'allum* dalam kalangan warga KUIPSAS. Nilai murni ini penting bagi membentuk sikap profesionalisme dalam diri setiap warga KUIPSAS seterusnya memberi imej positif kepada KUIPSAS sebagai institusi pengajian Islam yang mementingkan pembangunan berterusan dari sudut fizikal dan spiritual.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti tahap penghayatan nilai murni *Ta'allum* dalam kalangan warga KUIPSAS antara tahun 2018 hingga 2020.
- ii. Menenalpasti perbezaan berkaitan *Ta'allum* antara dapatan tahun terkini serta bandingan tahun sebelumnya.

## **PERSOALAN KAJIAN**

- i. Apakah tahap penghayatan nilai murni *Ta'allum* dalam kalangan warga KUIPSAS.
- ii. Apakah perbezaan antara dapatan nilai murni *Ta'allum* pada tahun terkini serta bandingan tahun sebelumnya.

## **SIGNIFIKAN KAJIAN**

Kajian ini adalah penting untuk dilakukan kerana ia adalah penilaian terhadap keberkesanan pelaksanaan nilai-nilai murni khususnya di KUIPSAS. Hal ini sekaligus membuktikan pencapaian organisasi ini dalam merealisasikan kebudayaan ilmu dalam kalangan warga kerjanya. Organisasi yang mampu membudayakan ilmu secara berleluasa akan menjadikan warga kerjanya lebih bermotivasi dan terpacu dalam melaksanakan tugasnya.

## **SOROTAN LITERATUR**

*Ta'allum* adalah penting sebagai salah satu nilai-nilai murni yang perlu diamalkan dalam organisasi. Hal ini kerana *Ta'allum* yang didefinisikan sebagai tamadun ilmu merangkumi objek material dan idea-idea yang kompleks perlu sering digunakan dalam organisasi untuk menjana dan menjalankan aktiviti pekerjaan yang kolektif. (Mat Ali et al., 2006)

Pembudayaan ilmu ini bermula pada zaman Rasulullah SAW dan awal Islam yang menjadikan masjid sebagai pusat pembudayaan ilmu. Perkara-perkara yang termasuk dalam pembudayaan ilmu adalah seperti muzakarah, aktiviti dakwah, siasah dan apa jua aktiviti yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. (Mohammad Akhir Wahab & Magiman, 2013)

Kajian berkaitan amalan perkongsian ilmu di Institusi Pendidikan Teknikal Mara menyatakan bahawa amalan pelaksanaan perkongsian ilmu berada pada tahap positif dan tinggi. Ia bermula dari peringkat atasan sehingga kepada bawahan dengan mengutamakan beberapa aspek seperti faktor teknologi, rangsangan daripada pengarah dan insentif yang diberikan seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi sesiapa yang membudayakan ilmu. (Abdullah, 2014)

Dengan beberapa kajian yang telah dilakukan terhadap aspek nilai murni *Ta'allum* atau pembudayaan ilmu, jelas menunjukkan kajian sebegini masih kurang khususnya di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam sistem pengurusan dan pentadbiran. Kajian ini adalah relevan bagi melihat keberkesanan penerapan nilai-nilai murni dalam aspek pengurusan sesebuah IPTS.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Instrument kajian yang digunakan adalah borang soalselidik yang diedarkan pada tahun 2018, 2019 dan 2020. Borang ini mengandungi dua item iaitu demografi dan tahap penghayatan nilai-nilai murni. Data kajian diperolehi dan dianalisis menggunakan *Statistical Package For The Social Science* (SPSS). Dalam kajian ini, dapatan adalah melalui borang secara atas talian yang diedarkan melalui aplikasi *whatsApp* kepada semua staf dan pensyarah KUIPSAS.

Borang soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah tentang demografi seperti latar belakang responden iaitu jabatan, jantina dan tempoh berkhidmat. Bahagian B pula adalah tentang persepsi responden terhadap penghayatan warga Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) terhadap nilai-nilai murni.

Bahagian C pula berkaitan pandangan dan komen responden terhadap penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan warga KUIPSAS serta cadangan dan penambahbaikan terhadap kawalan syariah.

Kaedah pengukuran yang digunakan pula adalah menggunakan skala 'Likert' yang mempunyai lima pilihan jawapan iaitu Sangat Tidak Memuaskan, Tidak Memuaskan, Sederhana, Memuaskan dan Sangat Memuaskan.

Kajian ini adalah wajib dijawab oleh setiap AKK KUIPSAS. Bilangan responden berbeza mengikut tahun. Jumlah yang menjawab soal selidik ini telah melebihi syarat persampelan *Krejcie Dan Morgan* (1970) yang mana jumlah responden yang diambil adalah mencukupi daripada keseluruhan anggota kerja KUIPSAS sebagai saiz sampel<sup>2</sup>.

## **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

### **Bahagian A: Demografi**

Bagi menganalisis demografi, kajian analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan dan peratusan. Profil demografi kajian dipaparkan seperti Jadual 3.1 berikut:

---

<sup>2</sup> Krejcie, RV & Morgan, DW (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurements*. 607-610.

**Jadual 4.1 Profil Demografi Responden Mengikut Jabatan/Unit**

<b>Demografi</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>
Pengurusan Kanan	5	1	5
Fakulti Pengajian Islam	52	23	46
Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	10	2	10
Fakulti Pengajian Pengurusan	16	6	15
Fakulti Pengajian Bahasa & Asasi	11	3	10
Perpustakaan	6	0	5
Jabatan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni	8	1	5
Jabatan Sumber Manusia	5	2	4
Jabatan Bendahari	7	0	6
Jabatan Pentadbiran Am	32	5	21
Jabatan Perhubungan Korporat	4	1	2
Jabatan Pengurusan Teknologi Maklumat	5	2	5
Jabatan Pengurusan Akademik	5	3	3
Unit Pengurusan Masjid	4	1	0
Unit Tanaman Kelapa	0	0	0
Sambilan Harian	0	0	1
Pembantu Awam	0	0	19
<b>Jumlah</b>	<b>170</b>	<b>50</b>	<b>157</b>

Sumber: Soal Selidik 2018-2020

**Jadual 4.2 Profil Demografi Responden**

<b>Demografi</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>
<b>Jantina</b>			
Lelaki	42	21	76
Perempuan	58	29	95
<b>Tempoh Berkhidmat</b>			
Kurang 10 tahun	52	23	90
10 – 20 tahun	42	22	61
21 tahun ke atas	6	5	20

Dapatan kajian berdasarkan jadual 4.1 dan 4.2 menunjukkan jumlah responden mengikut jabatan serta jantina. Responden perempuan mendominasi maklumbalas selama tiga tahun berturut-turut. Berdasarkan tempoh berkhidmat pula, responden paling tinggi datangnya dari anggota kerja KUIPSAS yang telah berkhidmat antara 10 hingga 20 tahun manakala selebihnya telah berkhidmat melebihi 20 tahun.

#### **Bahagian B:**

Bahagian ini adalah tentang persepsi responden terhadap penghayatan warga Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) terhadap nilai-nilai murni. Bahagian ini terbahagi

kepada tiga bahagian mengikut ketiga-tiga ciri-ciri nilai-nilai murni yang diamalkan di KUIPSAS iaitu *Ta'allum*, *Tazaakur* dan *Ta'awun*.

Lima item yang digunakan iaitu Sangat Tidak Memuaskan, Tidak Memuaskan, Sederhana, Memuaskan dan Sangat Memuaskan, menunjukkan nilai purata sama ada tinggi atau rendah berdasarkan nilai skor min seperti berikut:

**Jadual 4.3 Pengelasan Nilai Skor Min**


Skor Min	TahapSkor
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Mohd Najib (2003)<sup>3</sup>

#### 4.1 PENGHAYATAN WARGA KUIPSAS TERHADAP NILAI MURNI 1: *TA'ALLUM* (تَعْلَم).

Sebanyak 6 item pertanyaan yang telah dijawab oleh responden dalam bahagian ini. Purata skor bagi penghayatan warga KUIPSAS terhadap nilai murni pertama iaitu *Ta'allum* adalah sederhana sebagaimana jadual berikut:

**Kefahaman AKK terhadap maksud dan konsep *Ta'allum*.**




**Graf 4.1 : Purata Skor Penghayatan Warga KUIPSAS Terhadap maksud dan konsep *Ta'allum***

Graf 4.1 menunjukkan purata skor berkaitan kefahaman maksud dan konsep *Ta'allum* dalam kalangan anggota kerja KUIPSAS. Penurunan berlaku menunjukkan tahap kefahaman terhadap konsep ini semakin menurun. Walau bagaimanapun, skor pada tahun yang paling kecil iaitu 2020 (4.21) masih lagi berada pada tahap yang memuaskan.

<sup>3</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Bentuk Tinjauan Soal Selidik*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.


**Pendapat warga KUIPSAS berkaitan sikap suka membaca.**



**Graf 4.2 : Purata Skor Penghayatan warga KUIPSAS berkaitan sikap suka membaca**

Graf 4.2 menunjukkan purata skor berkaitan kefahaman maksud dan konsep *Ta'allum* dalam kalangan anggota kerja KUIPSAS. Berlaku peningkatan terhadap tahap penghayatan warga KUIPSAS berkaitan sikap suka membaca. Dari skor 3.03 pada tahun 2018, kini telah meningkat kepada skor 3.56 pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, skor bagi ketiga-tiga tahun ini masih berada pada paras sederhana.


**Pendapat warga KUIPSAS berkaitan sikap suka mempelajari ilmu baharu.**



**Graf 4.3 : Purata Skor Penghayatan warga KUIPSAS berkaitan sikap suka mempelajari ilmu baharu**

Graf 4.3 menunjukkan purata skor berkaitan sikap suka mempelajari ilmu baharu dalam kalangan anggota kerja KUIPSAS. Berlaku peningkatan terhadap tahap penghayatan warga KUIPSAS berkaitan sikap ini bermula dari skor 3.51 pada tahun 2018, meningkat kepada tahap tinggi pada tahun 2019 (3.68) dan 2020 (3.97).


**Pendapat warga KUIPSAS berkaitan sikap yang sentiasa bersedia berkongsi ilmu dan kemahiran dengan orang lain.**



**Graf 4.4 : Purata Skor Penghayatan warga KUIPSAS berkaitan sikap yang sentiasa bersedia berkongsi ilmu dan kemahiran dengan orang lain.**

Graf 4.4 menunjukkan purata skor berkaitan sikap yang sentiasa bersedia berkongsi ilmu dan kemahiran dengan orang lain. Skor terhadap tahap penghayatan warga KUIPSAS semakin meningkat dari tahun 2018 (3.71), sehingga tahun 2020 iaitu sebanyak 4.13.

**Pendapat responden berkaitan penyertaan warga KUIPSAS dalam majlis ilmu yang diadakan di dalam dan luar KUIPSAS.**




**Graf 4.5 : Purata Skor Penghayatan berkaikan penyertaan warga KUIPSAS dalam majlis ilmu yang diadakan di dalam dan luar KUIPSAS..**

Graf 4.5 menunjukkan purata skor berkaitan penyertaan warga KUIPSAS dalam majlis ilmu yang diadakan di dalam dan luar KUIPSAS. Skor terhadap meningkat saban tahun bermula pada tahun 2018 dengan skor yang berada pada tahap memuaskan, sehingga ke tahun 2019 dan 2020 yang menunjukkan skor tinggi bagi kedua-dua tahun ini.



**Pendapat responden berkaitan minat warga KUIPSAS untuk mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran di luar tugas utama di KUIPSAS.**



**Graf 4.6 : Purata Skor Penghayatan berkaikan minat warga KUIPSAS untuk mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran di luar tugas utama di KUIPSAS.**

Graf 4.6 menunjukkan purata skor berkaitan minat warga KUIPSAS untuk mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran di luar tugas utama di KUIPSAS. Skor ini meningkat saban tahun menunjukkan warga KUIPSAS sangat berminat untuk mempelajari ilmu dan kemahiran di luar tugas utama. Skor yang tertinggi dicatatkan pada tahun 2020 iaitu dengan purata sebanyak 4.00.

Hasil analisis menunjukkan tahap penghayatan nilai-nilai murni Ta'allum dalam kalangan responden sentiasa meningkat saban tahun dan mencapai Min yang tertinggi pada tahun 2020 (3.99). Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan responden memahami konsep ta'allum tetapi kurang membaca. Skor bagi warga KUIPSAS yang gemar membaca hanya berada pada tahap sederhana.

## **KESIMPULAN**

Kertas kerja ini merumuskan bahawa penerapan *Ta'allum* dalam kalangan anggota kerja KUIPSAS menunjukkan tahap yang memuaskan dan semakin meningkat saban tahun.

Hal ini terbukti dengan penganjuran program-program keagamaan seperti Kuliah Dhuha, Bayan Li KUIPSAS dan perkongsian secara maya mendapat sambutan yang menggalakkan dari seluruh warga KUIPSAS dan bukannya hanya tertumpu pada bidang sahaja.

Namun, antara penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak KUIPSAS adalah seperti pemahaman skop dan maksud *Ta'allum* data di atas menunjukkan warga kerja KUIPSAS mengamalkan *Ta'allum* tanpa mengetahui makna dan konsep *Ta'allum* itu sendiri.

Selain itu juga, pengamalan konsep dan budaya membaca dalam kalangan warga KUIPSAS masih berada pada tahap sederhana sepanjang tempoh tiga tahun ini. Walaupun graf menunjukkan trend yang kian meningkat, tetapi masih berada pada paras sederhana.

Kesimpulannya, diharapkan dapatan analisis ini mampu memberi nilai tambah dan idea baharu kepada KUIPSAS dalam usaha memastikan aspek *Ta'allum* terus diamal dan dipertingkatkan penghayatannya dari masa ke masa.

## RUJUKAN

- Abdullah, M. H. A. (2014). Amalan Perkongsian Ilmu Di Institusi Pendidikan Teknikal Mara. *Fakulti Pendidikan UTM, 2014*(Tveis), 239–252.
- Al-Banna Mohamed, H., Mumin Ab Ghani, A., & Arni Basir, S. (2015). Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran Dan Integrasi Ilmu Sainifik\* The Values of Islamic Quality Management System Based on the Quran and Integration of Scientific Knowledge. *Shariah Journal, 23*(1), 25–52.
- Ali, F., Radiah, C., & Ph, D. (2019). *Jurnal al-Sirat Bil. 18 Vol. 1 (2019). 1*, 78–87.
- Ali, M. F., Ishak, M. F., Salleh, H. M., & Nizam, M. (2022). *Analysis Of Differences In The Achievement In Adoption Of The Noble Values Among Kuipsas Employees From 2018 To 2020 Analisis Perbezaan Pencapaian Penghayatan Nilai- Nilai Murni Dalam Kalangan Warga Kerja Kuipsas Dari Tahun 2018 Hingga 2020. I.*
- Mat Ali, S. N., Omar, K., & Ismail, I. R. (2006). Menjana Budaya Ilmu di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma. *Kolej Univesiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Terengganu*, 1–5. <http://eprints.utm.my/id/eprint/246/>
- Mohammad Akhir Wahab, A. N. M. Y. &, & Magiman, M. M. (2013). Pembudayaan Ilmu Dan Perkembangan Institusi Masjid Pada Zaman Rasulullah SAW. *Journal of Chemical Information and Modeling, 53*(9), 1689–1699.
- Muhammad Nur Iman Razali\*, Muhammad Zahin Akram Sairozi, Mohamad Rahimeen Mohd Khalim, Muhammad Adib Moktar, A. F. O. & W. M. Y. W. C. (2019). Maqasid Shariah Dalam Adab-Adab Menuntut Ilmu Berdasarkan Kitab Ta'Lim Wal Muta'Alim. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management 23-24*, 769–780.
- Pengurusan Maklumat, U. T. M. (2009). *Generasi global menghadapi dunia tanpa sempadan. April.*
- Siti Arni, B., Sharifah Hayaati, S. I., Ilhaamie, A. G. A., Hasan Albanna, M., & Syahrul Nizam, K. (2019). Nilai-Nilai Islam Dalam Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000: Kajian Kes Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 6*(2), 79–92.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2002). Falsafah pengajaran dan pembelajaran dalam Islam : suatu analisis karya al-Zarnuji. *AFKAR Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam, 3*, 165–186.